

Bukan virus 'super spreader' - MKN

WALAU PUN kes jangkitan COVID-19 meningkat dalam negara ketika ini, namun ia bukanlah disebabkan virus mutasi 'super spreader'.

Menafikan dakwaan yang tular di media sosial itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkata, maklumat tersebut adalah palsu.

"Anda dilarang untuk menyebarkan sebarang berita yang tidak sahih kerana ia akan mengelirukan orang ramai," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, berita palsu terbabit memberi kesan kepada penerimaan masyarakat apabila maklumat yang sahih

daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak diterima sepenuhnya.

Ini kerana, mesej tular itu menyebut, virus daripada kluster genom 614 (G614) merebak dengan cepat dan meminta orang ramai melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Keluarga.

Turut tersebar, peringkat jangkitan COVID-19 bagi setiap individu dan langkah pencegahan serta kit perubatan yang perlu ada di setiap rumah.

Penyebarkan maklumat turut mendakwa kanak-kanak dan warga emas tidak dibenarkan makan di kedai serta berkunjung ke pusat beli-belah.

BACA LANJUT DI MUKA 2,3

- Waspada gelombang kedua COVID-19
- Keselamatan pengunjung diutamakan = PPKM
- Suria KLCC tingkat tahap kebersihan, kerap sanitasi
- Pengunjung restoran popular Labuan diarah buat saringan

rodakota

Panggung Bandaraya
keunggulan sepanjang zaman

>>> 9,10,11

Mahakarya digital
di hutan batu

>>> 12,13

Mohamed Nizham

pacu pemuda
lebih dinamik

>>> 17

Waspada gelombang kedua COVID-19

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

BEBERAPA kawasan di Kuala Lumpur mula mencuri perhatian warga kota apabila kes positif COVID-19 dilaporkan.

Penularan semula kes bermula di Kepong apabila sebuah bank terpaksa menutup operasi daripada 22 September sehingga 5 Oktober susulan kerja-kerja pembasmian kuman setelah seorang pekerjaannya disahkan positif COVID-19 kerana mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah.

Individu tersebut dijangkiti virus berkenaan setelah melawat Lahad Datu dan Semporna pada 10 hingga 13 September lalu dan ia merupakan kes jangkitan pertama di Semenanjung Malaysia berikutan peningkatan kes di negeri di bawah bayu itu bermula Ogos lalu.

Malah, difahamkan terdapat beberapa kompleks beli belah di sekitar Kuala Lumpur seperti Nu Sentral, The Linc dan KL Gateway Mall turut berisiko selepas beberapa pekerjaannya disahkan positif COVID-19.

Pengarah Majlis Kese-


lamatan Negara (MKN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Azizah Mohamed Said** berkata, pihaknya dengan kerjasama agensi berkaitan tidak berhenti daripada memantau keadaan semasa secara berterusan.

Beliau juga memaklumkan, hebahan mengenai langkah-langkah pencegahan penularan wabak kepada komuniti setempat sentiasa dilakukan.

"Kita masih lagi mengekalkan momentum yang sama sewaktu Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Malahan pada ketika ini, semua agensi yang terlibat di dalam pengurusan COVID-19 terpaksa melipat ganda usaha berikutan hampir kesemua sektor sosioekonomi dibuka.

"Sekarang ini, ia lebih kepada bagaimana rakyat boleh menjaga kawalan sendiri dan perlu menyedari bahawa Malaysia masih belum lagi bebas sepenuhnya daripada COVID-19," katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.



AZIZAH

Beliau berkata, pihaknya berpendapat bahawa situasi ini masih terkawal meskipun beberapa premis dan kompleks beli belah sekitar ibu kota telah tercemar dengan virus tersebut.

"Buat masa ini, tiada perancangan untuk mewujudkan semula PKP seperti dahulu kerana keadaan masih terkawal dan dipantau secara dekat.

"Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKN WPKL) juga aktif menjalankan ujian saringan terhadap kontak rapat yang telah dikenalpasti dan didapati kesemuanya negatif," katanya.

Beliau menjelaskan, sesuatu kawasan yang dijangkiti wabak tersebut belum boleh dinyatakan gelombang kerana Kementerian Kesihatan (KKM) telah menggariskan beberapa kriteria untuk mengklasifikasikannya.

"Apabila ada satu hingga 40 kes dilaporkan di sesebuah kawasan, ia akan diklasifikasikan sebagai Zon Kuning manakala sekiranya melebihi 40 kes dan ke atas, kawasan tersebut akan

dikategorikan sebagai Zon Merah.

"Sekiranya kita lihat kepada fakta yang ada, kawasan Setapak merekodkan tiga kes dan ia belum menular dalam komuniti yang besar. Namun begitu, langkah-langkah pencegahan diambil bagi memastikan kawasan tersebut selamat," katanya.

Azizah memaklumkan, MKN dan KKM telah memutuskan sesiapa sahaja yang pulang dari Sabah atau mana-mana kawasan berisiko perlu menjalani ujian saringan dan mengamalkan kuarantin sendiri.

"Mana-mana individu yang dikategorikan sebagai individu yang berada di bawah pengawasan (PUS) harus menjalani kuarantin dengan betul sebaik berada di rumah.

"Individu atau ahli keluarga tidak boleh mendekati mereka selagi keputusan saringan belum diperoleh bagi mengelakkan penularan wabak tersebut.

"Mereka perlu mematuhi sepenuhnya proses tersebut dan keluarga perlu elak daripada bertemu untuk tempoh 14 hari," katanya.

Tambahnya, JKN WPKL akan sentiasa memantau

perkembangan individu yang sedang menjalani kuarantin sebelum mereka dibenarkan keluar setelah tempoh kuarantin tamat.

Beliau berkata, pihaknya melalui Pusat Pengurusan Krisis (CMC) yang telah bermesyuarat sehingga 86 kali menggesa pemilik premis dan orang ramai untuk meningkatkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) agar tidak menjadi kluster terhadap penularan wabak itu di Kuala Lumpur.

"Pihak CMC menggalakkan semua premis termasuk kompleks beli-belah melakukan sanitasi terutama di dalam lif.

"Paling utama, apabila berada di luar, orang ramai perlu sentiasa memakai pelitup muka, membasuh tangan dan menjaga penjarakan fizikal," katanya sambil menambah 60 peratus masalah jangkitan dapat dihindari sekiranya tiga perkara tersebut dipatuhi.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan bahawa, agensi kerajaan terus giat mengadakan pelbagai kempen pembudayaan norma baharu dalam kalangan masyarakat supaya SOP yang ditetapkan KKM dipatuhi. **W K**

Keselamatan pengunjung diutamakan - PPKM

SUSULAN beberapa pekerja di kompleks beli-belah sekitar Kuala Lumpur dan Selangor disahkan positif COVID-19 baru-baru ini, Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM) tekad mengemukakan aspek kebersihan di premis seliaannya.

Presidennya, **Tan Sri Teo Chiang Kok** berkata, perlindungan dan kesejahteraan pekerja serta pengunjung merupakan keutamaan pihaknya, oleh itu kesemua langkah untuk mengelakkan jangkitan COVID-19 dilaksanakan.

"Beberapa tindakan mengi-

kut panduan Kementerian Kesihatan (KKM) telah dan akan sentiasa dilakukan selain memastikan setiap premis menjaga kebersihan serta melakukan sanitasi dengan teliti.

"Pihak pengurusan pula membuat pengesanan kontak, pemantauan suhu dan pemakaian peli-

tup muka, penyediaan pembersih tangan di pintu masuk premis serta tempat strategik lain," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

M e n u r u t n y a , pembeli dan pengunjung juga akan melakukan prosedur operasi standard (SOP) seperti di pintu masuk utama setiap kali mereka ingin memasuki outlet.

"Pemeriksaan tambahan itu dapat meningkatkan keyakinan dan keselamatan pengunjung. Kami yakin bahawa pandemik yang belum pernah terjadi sebelum ini akan diatasi dalam waktu terdekat dengan perhatian ketat dan koordinasi pihak berkuasa, masyarakat serta komuniti perniagaan setempat," katanya.

Katanya lagi, setiap kompleks beli-belah juga akan sentiasa melakukan hebahan awam



TEO

bagi tujuan pendidikan kepada pengunjung dan pekerja.

"Ia bertujuan untuk mengingatkan pembeli dan pengunjung tentang perlunya mematuhi SOP. Di samping itu papan tanda peringatan mengenai jarak

fizikal, kebersihan dan lain-lain yang berkaitan turut disediakan.

"Kami juga akan menggunakan media sosial untuk memberi maklumat kepada pembeli mengenai apa yang berlaku di pusat beli-belah dan menyebarkan SOP yang didokumentasikan sebagai komitmen terhadap amalan dan pematuhan," katanya.

Terdahulu, bilangan kes positif COVID-19 yang dilaporkan baru-baru ini melibatkan kakitangan di lima pusat beli-belah di Lembah Klang. **W K**



PAPAN tanda peringatan mengenai jarak fizikal dipamerkan di setiap kompleks beli-belah.



PROSES sanitasi di eskalator sentiasa dilakukan di Suria KLCC.

Suria KLCC tingkat tahap kebersihan, kerap sanitasi

BAGI mengembalikan keyakinan rakyat untuk terus membeli belah, pihak Pengurusan Suria KLCC mengambil langkah pantas dengan melakukan sanitasi dan pembasmian kuman selepas terdapat satu jangkitan COVID-19 dikenal pasti di salah sebuah premisnya.

Menurut Pengurusan Suria KLCC, pembasmian dilakukan di seluruh kompleks beli-belahnya terutama di lokasi kes iaitu pusat fitness, Babel.

Ujarnya, langkah tambahan yang diambil adalah sentiasa melakukan pembersihan pada eskalator, lif, pemegang pintu dan e-Direktori.

Selain itu, katanya, bilik bayi dan surau turut disanitasi dengan kerap di samping melakukan pembasmian kuman di seluruh premis selepas waktu operasi termasuk kawasan pembuangan sampah dan belakang bangunan.

“Pengurusan Suria KLCC akan memberikan perkembangan terkini berhubung individu yang dijangkiti di Babel walaupun pengunjung yang direkodkan sebelum ini sudah diuji negatif.

“Kita juga sudah menjejaki setiap pengunjung di pusat fitness berkenaan yang hadir pada 9, 10, 11 dan 13 September lalu. Bagaimanapun, bagi mengetahui lanjut, pengunjung boleh layari <https://www.babel.fit/covid19>,” katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, katanya, Pengurusan Suria KLCC akan terus mengambil langkah berjaga-jaga dan memantau situasi semasa sehingga wabak COVID-19 tidak mengancam nyawa.

Tambahnya, orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat tidak sahih. **W.K**

Pengunjung restoran popular Labuan diarah buat saringan COVID-19

Oleh KHAIRUL IDIN

WILAYAH Persekutuan Labuan juga di dalam situasi berjaga-jaga selepas pihak berkuasa mengeluarkan notis kepada pengunjung dua restoran popular untuk mengadakan ujian saringan COVID-19.

Ini kerana, Jabatan Kesihatan Labuan mengarahkan pengunjung Restoran Sri Utara dan Restoran Anjung Ketam pada 18 dan 19 September lalu untuk menjalani ujian saringan wabak berkenaan di Klinik Kesihatan Membedai dengan segera.

Arahan tersebut dikeluarkan susulan terdapat individu yang mengunjungi dua premis berkenaan pada tarikh tersebut disahkan positif COVID-19 baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, **Dr Ismuni Bohari** berkata, notis arahan tersebut dibuat bertujuan untuk memastikan mereka (pengunjung) tidak berselisih dengan pesakit pada waktu itu.

“Pihaknya hanya memanggil pengunjung yang mengunjungi Restoran Sri Utara pada waktu sekitar pukul 12 tengah hari hingga 2 petang pada 18 Sep-

tember dan Anjung Ketam pada pukul 7.30 malam sehingga 9 malam, 19 September.

“Pihak kami telah mengeluarkan notis arahan kepada sesiapa yang datang ke kedua-dua premis tersebut untuk menjalani ujian saringan COVID-19 di Klinik Kesihatan Membedai,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Ismuni turut mengesahkan tidak ada sebarang sekatan dibuat kepada individu mahupun sektor



DR ISMUNI

perniagaan ke Labuan susulan kawalan dketatkan di setiap pintu masuk ke pulau bebas cukai itu.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, selaras dengan arahan prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan (KKM) yang baharu, Jabatan Kesihatan Labuan telah memperketatkan kawalan di setiap pintu masuk negeri.

“Setiap kemasukan individu dari Sabah akan didaftarkan dalam sistem, saringan kesia-

tan akan dilakukan dan mereka dikuarantin di rumah sehingga keputusan ujian tindak balas rantai polimerase keluar dan disahkan negatif.

“Langkah tersebut perlu dilakukan susulan mereka yang berada di Sabah telah terdedah seterusnya berpotensi untuk menjangkiti orang lain khususnya golongan berisiko,” katanya.

Terdahulu, Labuan telah mencatatkan penambahan kes baharu pada Isnin lalu iaitu sebanyak dua kes, ia menjadikan keseluruhan kes berjumlah 27 positif COVID-19 setakat ini. **W.K**



PENGUNJUNG di kedua-dua restoran ini perlu menjalani ujian saringan COVID-19.

